

limafakta

Risiko ceasarean

KAJIAN mendedahkan kanak-kanak yang dilahirkan dengan kaedah pembedahan ceasarean berisiko mendapat penyakit asma. Lebih-lebih lagi jika ibu bapanya menghidap penyakit tersebut.

Ini terbukti apabila kajian mendapati sebanyak 79 peratus kanak-kanak yang menghidap asma dan alergi dilahirkan melalui kaedah ceasarean berbanding mereka yang dilahirkan secara normal.

Dr. H. A. Smith dari Institut Kesihatan Awam dan Persekitaran Belanda pula melaporkan, kebanyakan



WANITA hamil yang disyaki menghidap rubela perlu mendapat suntikan vaksin MMR.

Pentingnya suntikan vaksin

PENYAKIT rubela boleh menyebabkan masalah kesihatan yang serius kepada kanak-kanak. Jalan terbaik adalah dengan menyuntik vaksin MMR (campak, beguk, dan rubela). Wanita hamil yang disyaki menghidap rubela juga perlu melakukan suntikan vaksin MMR.

Penyakit tersebut boleh menjangkiti wanita dalam tiga bulan pertama kehamilan. Virus rubela boleh merentasi sistem pertahanan uri dan masuk ke dalam tubuh janin.

Kesannya, ia boleh mengakibatkan kecacatan pada bayi seperti buta, katarak, hilang pendengaran, masalah jantung dan terencat akal.

Sumber: Centers for Disease Control and Prevention

Forum payu dara

SATU forum umum kesihatan kanser payu dara akan diadakan pada 25 Februari ini. Ia bermula pukul 1 tengah hari bertempat di Tingkat 4, Pusat Perubatan Kelana Jaya (KJMC), Petaling Jaya.

Masuk adalah percuma dan makan tengah hari juga disediakan.

Untuk sebarang maklumat, sila hubungi Bahagian Khidmat Pelanggan di talian 03-7805 2777 sambungan 4410/4411.

Kelas antenatal KJMC

Kepada bakal ibu bapa yang berminat untuk mengikuti kelas antenatal, anda dijemput hadir pada 22 Februari ini dari pukul 10 pagi hingga 2.30 petang di Tingkat 4, Pusat Perubatan Kelana Jaya (KJMC), Petaling Jaya.

Bayaran sebanyak RM50 untuk setiap pasangan akan dikenakan.


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Khidmat Pelanggan di talian 03-7805 2777 sambungan 4410/4411.

Ceramah kesihatan

ORANG ramai dijemput ke ceramah kesihatan di Aras 7, Hospital Pusrawi

melaporkan, kebanyakan kanak-kanak berisiko mendapat asma dan alergi apabila mereka mencecah umur 8 tahun.

Sumber: Reuters Health



SETIAP 25 minit, seorang pesakit jantung koronari boleh mendapat serangan hingga menyebabkan kematian.

Jantung koronari masih pembunuh

PENYAKIT jantung koronari adalah punca utama kematian di Amerika Syarikat (AS). Pada tahun 2009, dianggarkan sebanyak 785,000 rakyat Amerika mendapat satu serangan jantung dan hampir 470,000 orang pula mendapatnya secara berulang-ulang.

Lebih menggerunkan, setiap 25 minit, seorang pesakit jantung koronari mendapat serangan dan boleh menyebabkan kematian.

Cara untuk menangani penyakit tersebut adalah dengan mengamalkan gaya hidup sihat. Tanda-tanda serangan juga boleh membantu mencegah pesakit daripada kematian.

Tanda-tanda penyakit koronari jantung adalah sesak nafas atau tercungap-cungap bila kepenatan dan degupan jantung yang luar biasa.

Sumber: Centers for Disease Control and Prevention



Bahaya tulang retak

WANITA berumur 60 tahun ke atas yang mengalami keretakan tulang perlu diberi perhatian serius.

Para penyelidik dari Australia mendapati mereka yang mengalami keretakan tulang tanpa rawatan antara lima hingga 10 tahun bakal berdepan dengan kematian.

Lelaki lebih berisiko dengan peratusan sebanyak tiga kali ganda berbanding wanita.

Sumber: HealthDay



Gangguan seks wanita menopause

WANITA menopause yang mempunyai keinginan seks (HSDD) yang rendah bakal berdepan dengan tahap kesihatan yang buruk berbanding mereka yang gembira dengan kehidupan seks mereka.

Malah, beberapa penyelidik mendapati wanita HSDD boleh menghidap penyakit seperti kencing manis, tekanan darah tinggi, osteoarthritis, asma, sakit belakang, keletihan, masalah ingatan dan kemurungan.

Punca sebenar HSDD masih lagi tidak dikenal pasti tetapi berkemungkinan kerana kekecewaan dan tekanan hidup.

Sumber: Reuters Health

Sdn. Bhd., Lot 149, Jalan Tun Razak bersebelahan Perpustakaan Negara dan berhadapan Institut Jantung Negara (IJN) pada 28 Februari ini.

Ceramah tersebut bermula pada pukul 2 petang.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Anom, Karimah, Rokiah atau Ritza di talian 03-2687 5000 sambungan 2145/5017/2202 atau e-mel ke info@pusrawi.com.my.

Kelas antenatal di HPU

HOSPITAL Pantai Utara (HPU) akan menganjurkan satu kelas persediaan bagi ibu-ibu hamil pertama kali pada 28 Februari ini dari pukul 8.30 pagi hingga 12 tengah hari bertempat di klinik pesakit luar HPU.

Pelbagai hadiah dan cenderahati turut disediakan. Masuk adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke juita@hpu.com.my atau hubungi Jabatan Pemasaran HPU di talian 012-6209509 (Juita) atau 04-4428888 sebelum 23 Februari ini.

Kelas asma

ORANG ramai dijemput hadir ke bilik promosi pesakit Unit Pendidikan Kesihatan, Hospital Selangang bagi mengikuti kelas pendidikan asma.

Kelas tersebut dianjurkan pada setiap hari Rabu dari pukul 8.30 pagi hingga 10.30 pagi.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Unit Pendidikan Kesihatan di talian 03-8947 5267.

➤ **Kepada pihak yang ingin menguar-uarkan aktivitiinya, sila e-mel ke rencana@kosmo.com.my atau faks maklumat lanjut ke talian 03-9221 8590 (untuk perhatian Meja Rencana).**